

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1990/91

25 Februari 1991

AOP402 - PENGURUSAN PERBANDINGAN

Masa : [ 3 jam ]

---

**ARAHAN**

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **EMPAT** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **LIMA** soalan sahaja. Soalan 1 dan 2 adalah **WAJIB**. Pilih **TIGA** soalan yang lain.

1. (a) Andaikan sebuah koprat multinasional (MNC) Amerika Syarikat telah membuka sebuah restoran di Malaysia. Jelaskan bagaimana pendekatan pengurusan mereka akan dijalankan sekiranya koprat tersebut mengikut pendekatan.

- (i) Geosentrik.
- (ii) Regiosentrik.
- (iii) Polisentrik.
- (iv) Etnosentrik.

[ 12 markah ]

AOP402

- (b) Huraikan ketiga-tiga pendekatan terhadap pengurusan perbandingan yang disenaraikan oleh Robinson (1978).

[8 markah]

2. (a) Huraikan perbezaan di antara individualisme dan kolektifisme. Gunakan negara Amerika dan Malaysia sebagai contoh untuk menerangkan perbezaan ini.

[12 markah]

- (b) Terangkan makna istilah-istilah ini:

- (i) Kebudayaan relativisme.
- (ii) Dunia kelima (Fifth world).
- (iii) Dunia keenam (Sixth world).
- (iv) Paradoks Leontief.

[8 markah]

3. (a) Berikan definisi kebudayaan dan cuba bezakan di antara sikap, nilai dan kepercayaan.

[10 markah]

- (b) Jelaskan keempat kategori budaya kecil (subculture) dengan menggunakan budaya Malaysia sebagai contoh.

[10 markah]

4. Andaikan sebuah organisasi besar ingin melabur di Malaysia dengan memajukan Bukit Bendera Pulau Pinang. Organisasi tersebut bercadang membuat hotel, kasino, padang golf dan taman sukaria ala "Disneyland". Modal pelaburan dianggarkan lebih dari \$3 billion.

- (a) Nyatakan kebaikan-kebaikan yang anda akan utarakan kepada pemimpin dan rakyat Malaysia jika anda mewakili organisasi tersebut.

[ 10 markah]

- (b) Sekiranya anda pemimpin atau kumpulan yang menentang cadangan pelaburan tersebut, apakah keburukan-keburukan yang akan anda utarakan?

[ 10 markah]

5. (a) Huraikan kitarhayat produk antarabangsa (International product lifecycle). Gunakan televisyen sebagai contoh dalam menerangkan setiap fasa kitarhayat tersebut.

[ 10 markah]

- (b) (i) Jelaskan peraturan GATT berkenaan fasal layanan negara teristikewa (most favoured nation clause).

- (ii) Apakah syarat-syarat pengecualian yang dibenarkan bagi negara-negara ahli untuk tidak mengikut fasal layanan negara teristikewa ini.

[ 10 markah]

6. (a) Bezakan teori kelebihan sepenuh (absolute advantage) dengan teori kelebihan perbandingan (comparative advantage). Gunakan contoh-contoh.

[12 markah]

- (b) Terangkan jenis-jenis batasan bukan cukai yang digunakan oleh sesebuah negara.

[8 markah]

-----oooo000oooo-----